


Semak status sekatan perjalanan dan melanconglah dengan tenang



Siapakah yang boleh dikenakan Sekatan Perjalanan?

Melalui tindakan sekatan perjalanan, HASiL mendapat kerjasama daripada Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) untuk menghalang individu atau Pengarah Syarikat yang culas membayar tanggungan cukai mereka keluar dari sempadan Malaysia (ke luar negara).

Apakah yang patut dilakukan sekiranya dikenakan Sekatan Perjalanan?

Buat bayaran baki cukai tertunggak tersebut kepada HASiL (boleh bayar secara dalam talian di ByrHASiL) dan hubungi Pejabat HASiL untuk mendapatkan Surat Pembatalan Sekatan Perjalanan.

Apakah itu sekatan perjalanan?

Sekatan perjalanan dikenakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) sekiranya pembayar cukai masih gagal membuat bayaran baki cukai tertunggak (individu dan syarikat) walaupun pelbagai peringatan dan notis telah diberikan oleh HASiL.

Bagaimanakah untuk membuat semakan status Sekatan Perjalanan?

Semakan status Sekatan Perjalanan boleh dibuat melalui:

- I. Aplikasi MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my>
- II. Portal rasmi JIM di pautan Semakan Status Perjalanan <https://sspi.imi.gov.my/sspi>

Di manakah maklumat tambahan boleh diperolehi?

Layari [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) atau hubungi 03-8911 1000 untuk maklumat lanjut. Video berkenaan prosedur membuat semakan dan pelepasan sekatan perjalanan juga boleh ditonton di LhdnTube melalui pautan. <https://www.youtube.com/watch?v=PO8s9hWk1iQ>



Terbitan:

**BAHAGIAN  
PENDIDIKAN  
CUKAI**